

23/12/1997

Hubungan Malaysia, Amerika semakin pulih

KUALA LUMPUR, Isnin - Hubungan di antara Malaysia dan Amerika Syarikat semakin pulih apabila Kuala Lumpur mengakui peranannya dalam kegawatan ekonomi sekarang, kata duta Amerika ke Malaysia, John Malott, hari ini.

Bagaimanapun, hubungan rapat di antara kedua-dua negara sukar dikembalikan buat masa ini dan cukup setakat bertahan saja berikutan masalah ekonomi dan pengurangan belanjawan Malaysia.

Malott berkata dalam satu wawancara, bahawa ketegangan memuncak bulan lalu apabila kedutaan Amerika menerima panggilan telefon mengancam membunuh empat warga Amerika di Malaysia. Media Malaysia memetik pegawai tempatan menafikan ugutan itu serius.

"Ketegangan meningkat dan terus meningkat hingga berlaku ancaman bunuh terhadap warga kita," kata Malott.

Beliau berkata, ketegangan itu semakin kendur.

"Saya boleh katakan, ya, sekarang berbeza berbanding dulu atas beberapa sebab," tambahnya.

Malott memetik satu sidang akhbar yang diadakannya bulan lalu apabila beliau meminta pemimpin kedua-dua negara supaya menamatkan retorik emosi.

"Keadaan lebih baik jika kita berfikir secara tenang," katanya.

Beliau berkata, ketetapan yang diluluskan oleh Parlimen Malaysia mengutuk langkah yang diperkenalkan oleh Kongres Amerika membantu melegakan ketegangan.

Ketetapan Amerika yang tidak diluluskan Kongres, memberi kata dua kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya meminta maaf di atas kenyataan yang dibuatnya mengenai Yahudi, atau meletak jawatan.

Dewan Rakyat bulan lalu meluluskan ketetapan mengutuk langkah Amerika itu.

"Perbincangan dijalankan dengan cukup berhati-hati," kata Malott, menyebut pemimpin Malaysia menggunakan perbincangan untuk mengambil kira kepentingan hubungan perdagangan dan pelaburan di antara kedua-dua negara.

Malott berkata, pemimpin Malaysia mula memberi tumpuan kepada faktor domestik yang menyumbang kepada kejatuhan ekonomi dan menyedari Amerika tidak mendapat apa-apa keuntungan daripada kegawatan ekonomi Malaysia.

"Ada kesediaan membincangkan faktor domestik yang menyebabkan kegawatan ekonomi," katanya.

Duta Amerika itu berkata, ada kesedaran di kalangan negara Asia Tenggara bahawa krisis itu turut menjejaskan firma pelaburan Amerika di rantau itu.

Bagaimanapun, Malott berkata, kepayahan Amerika bermakna banyak aspek hubungan dua hala akan ditangguh sementara.

"Kita seolah-olah bertahan dalam hubungan yang ada pada tahun akan datang kerana kejatuhan ekonomi di sini dan juga kerana pengurangan belanjawan kerajaan Malaysia," katanya, merujuk kepada pelan kerajaan untuk mengurangkan perbelanjaan sebanyak 18 peratus tahun depan.

Malott berkata, Malaysia muncul sebagai salah satu pasaran eksport paling pantas bagi syarikat Amerika.

Eksport Amerika ke Malaysia diramalkan meningkat kepada AS\$9.5 bilion (RM36.1 bilion) tahun ini daripada AS\$8.5 bilion (RM32.3 bilion) pada 1996, menurut kedutaan Amerika.

Eksport Malaysia ke Amerika diramalkan meningkat AS\$18.5 bilion (RM70.3 bilion) pada 1997 daripada AS\$17.8 billion (RM67.7 bilion).

"Dengan kegawatan ekonomi, penangguhan projek besar, perubahan kadar pertukaran, pastinya meninggalkan kesan kepada eksport Amerika ke

Malaysia," katanya.

Malott juga berkata Washington akan memutuskan tidak lama lagi sama ada pelaburan syarikat minyak Malaysia, Petronas di Iran mencabul undang-undang Amerika.

Syarikat Perancis, Total SA menandatangani kontrak AS\$2 bilion (RM7.6 bilion) dengan Petronas dan syarikat Russia, Gazprom pada September untuk memajukan telaga gas di South Pars di Iran.

Beliau berkata, selepas Washington membuat keputusan, ia mengambil masa untuk menyelesaikannya.

Malott berkata, Malaysia mempunyai peluang baik untuk mengemukakan kesnya dalam Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) pada November depan. Malaysia menjadi tuan rumah Apec.

"Harapan saya, pada tahun 1999 Malaysia menuju ke arah pemulihan," kata Malott. - Reuters

(END)